

06/11/2001

92 peratus rumah di Putrajaya ada CF

Mohd Hamizar Hamid

KUALA LUMPUR, Isnin - Perbadanan Putrajaya hari ini menjelaskan, sebanyak 92 peratus atau 4,854 daripada 5,295 unit rumah kediaman di Putrajaya sudah mendapat Sijil Layak Menduduki (CF).

Pengerusinya, Tan Sri Azizan Zainul Abidin, berkata perbadanan itu tidak mengeluarkan CF kepada baki 441 unit rumah lagi kerana pemaju belum mengemukakan permohonan.

Sambil menegaskan tiada sebab pihaknya untuk tidak memberikan CF kepada pemaju yang membuat permohonan dan memenuhi syarat, Azizan berkata beliau akan menemui Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi menjelaskan kedudukan sebenar perkara itu.

"Saya faham perasaan Perdana Menteri apabila tidak ramai penduduk tinggal di Putrajaya walaupun rumah sudah siap. Malah, memang menjadi hasrat saya untuk melihat Putrajaya sebagai kawasan dinamik dan mempunyai ramai penduduk seperti bandar besar lain.

"Bagaimanapun, pemaju perlu menyerahkan segera rumah yang sudah dijual dan mempunyai CF kepada pembeli. Kita tidak tahu atas alasan apa pemaju belum berbuat demikian," katanya selepas merasmikan Persidangan dan Pameran Majlis Petroleum Asean (Ascope) ke-7 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) hari ini.

Kelmarin, Perdana Menteri yang berkata beliau sunyi di Putrajaya kerana belum ramai penghuni, mengarahkan pelbagai pihak bertanggungjawab supaya mempercepatkan pengeluaran CF untuk rumah kediaman di pusat pentadbiran itu.

Dr Mahathir berkata, memang menghairankan apabila Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) memberitahu hanya 28 pengundi tinggal di Putrajaya, sedangkan kawasan itu mempunyai banyak rumah sejak dibuka dua tahun lalu.

Berikutan itu, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Ong Ka Ting semalam berkata kelewatan kelulusan CF di kawasan itu tidak sepatutnya berlaku kerana ia dimajukan oleh syarikat diketuai Presiden Perbadanan Putrajaya sendiri.

Azizan yang juga Presiden Putrajaya Holdings Sdn Bhd berkata, 441 unit rumah yang belum mendapat CF itu membabitkan tiga kawasan iaitu di Precint 8 sebanyak 161 unit, Precint 9 (187 unit) dan Precint 10 (93 unit).

"Tiga syarikat yang terbabit dalam pembinaan rumah di kawasan itu bermasalah terutama lewat dalam penyerahan rumah kepada pemilik.

"Bagaimanapun ada pemaju menyalahkan kelewatan pengeluaran CF sebagai sebab utama sebilangan besar penduduk tidak berpindah ke Putrajaya sedangkan keadaan yang berlaku sebaliknya," kata beliau.

Mengikut laman web Putrajaya Holdings Sdn Bhd (PHSB), empat syarikat usaha sama terbabit dalam pembinaan projek perumahan di Putrajaya iaitu Peremba (M) Sdn Bhd, SP Setia Berhad, Hong Leong Properties Berhad dan Kamunting Corporation Bhd, manakala Kuala Lumpur City Centre bertindak sebagai pengurus projek.

Azizan berkata, 5,295 unit rumah yang sudah siap terdiri daripada 25 banglo, rumah berkembar (310 unit), rumah teres (1,172 unit) dan pangsapuri (3,788 unit).

Daripada jumlah itu, 12 banglo, 230 unit rumah berkembar, 824 rumah teres, dan 3,788 unit pangsapuri sudah memiliki CF.

"Sebanyak 299 unit rumah teres dan 870 unit pangsapuri yang sudah mempunyai CF belum diduduki kerana PHSB dalam proses penyediaan pengesahan identiti dan agihan kepada pegawai kerajaan," katanya.

Baki pembangunan unit kediaman yang masih dalam pembinaan atau diberi kelulusan mendirikan bangunan sebanyak 5,442 unit terdiri daripada 108 banglo, rumah berkembar (280 unit), rumah teres (1,707 unit) dan pangsapuri (3,347 unit).

(END)